

PAS lantik Husam sebagai pengarah pilihan raya Kuala Besut
Malaysian Insider
July 9 , 2013

PAS melantik Datuk Husam Musa (gambar) sebagai Pengarah Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut.

Naib Presiden PAS itu yang juga Timbalan Pesuruhjaya PAS Kelantan akan berhadapan dengan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, pengarah pilihan raya bagi Barisan Nasional (BN).

Dua timbalan dilantik bagi membantu Husam iaitu Ketua Pengarah Pilihan Raya PAS Pusat, Dr Hatta Ramli dan Timbalan Pesuruhjaya PAS Terengganu, Satiful Bahri Mamat.

Tiga penasihat kepada jawatankuasa ini adalah Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, timbalannya Mohamad Sabu dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

Malam ini, Abdul Hadi akan mengumumkan calon yang akan bertanding bagi pihak PAS dan Pakatan Rakyat (PR) di Kampung Nail, Kuala Besut.

Mengikut portal berita milik PAS, Harakah Daily, PAS Besut dan Terengganu mencadangkan tiga nama untuk dipilih sebagai calon iaitu Datuk Nik Zawawi Salleh, Yang Dipertua PAS kawasan Besut, Wan Azhar Wan Ahmad dan Bendahari PAS kawasan Besut Azlan Yusof atau lebih dikenali dengan nama Che Long.

Umno pula difahamkan mempunyai dua nama popular untuk kerusi DUN itu iaitu bekas Kadhi Besut, Nik Suhaiza Nik Ismail dan AJK Umno Bahagian Besut, Zahanapi Sagaf.

Anak bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Besut dan Exco Terengganu yang berpengaruh juga disebut-sebut menjadi calon PRK berkenaan.

Daripada 13 pilihan raya umum (PRU) dan satu PRK di Kuala Besut, PAS menang empat kali iaitu PRU 1959, PRU 1969, PRU 1974 dan PRU 1999.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 24 Julai sebagai hari pengundian untuk PRK manakala 20 Julai hari pembuangan undi awal. 12 Julai pula ditetapkan sebagai hari penamaan calon.

PRK itu diadakan ekoran kematian Adunnya yang juga Exco kerajaan negeri Terengganu, Dr A Rahman Mokhtar selepas 50 hari terpilih untuk kali kedua sebagai Adun.

Pada PRU13 lalu, A Rahman memperolehi 8,809 undi sementara calon PAS, Napisah Ismail mendapat 6,375 undi. Majoriti calon BN adalah 2,434 undi.

Pada pilihan raya umum lalu, BN mendapat 17 kerusi manakala PAS dan PKR yang menjadi sekutu dalam PR memperoleh 15 kerusi DUN di Terengganu.

Kemenangan PAS dan PR dalam PRK kali ini akan menyebabkan DUN negeri Terengganu tergantung. – 9 Julai, 2013.

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-lantik-husam-sebagai-pengarah-pilihan-raya-kuala-besut/>